

**Jilid I
Bil. 48**



**Hari Selasa
11hb Januari, 1972**

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 5437]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1972 (6hb Januari, 1972) [Ruangan 5467]

USUL:

Uchapan Penanggoan (Jururawat² dan Sharikat² Perkhidmatan) [Ruangan 5524]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 11hb Januari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSOF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

- Yang Berhormat DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Pertanian, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

Yang Berhormat **TUAN AJAD BIN O. T. UYONG** (Labuk-Sugut).

- „ **DR CHEN MAN HIN** (Seremban Timor).
- „ **DR CHU CHEE PENG** (Kluang Selatan).
- „ **TUAN FAN YEW TENG** (Kampar).
- „ **TUAN HOR CHEOK FOON** (Damansara).
- „ **TAN SRI KHAW KAI-BOH**, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ **TUAN LIM CHO HOCK** (Batu Gajah).
- „ **TUAN PETER LO SU YIN** (Sandakan).
- „ **DR MOHAMED BIN TAIB**, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN** (Kapar).
- „ **TUAN MUSA BIN HITAM** (Segamat Utara).
- „ **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN**, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ **DATO' PANG TET TSHUNG**, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ **TUAN RAMLI BIN OMAR**, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ **DATO' S. P. SEENIVASAGAM**, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ **PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA** (Kimanis).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas² Khas, **DR LIM KENG YAIK** (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

JURUTERA² BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN

1. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri berapa ramai-kah jurutera² yang berkhidmat dengan Kerajaan telah berhenti sejak 1-6-1969 hingga 30-5-1971. Apa-kah sebab² mereka berhenti.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (**Wan Abdul Kadir bin Ismail**): Tuan Yang di-Pertua, sa-ramai 85 orang jurutera telah meletakkan jawatan dalam tempoh tersebut. Mereka telah meletakkan jawatan oleh sebab² persendirian.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) All the engineers who had resigned from the Government Service could not have done so for personal reasons. There must be widespread

dissatisfaction among these engineers who had resigned. So can the Government take steps at least to investigate, to find out, the reasons for their resigning?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Perkara itu akan di-ambil perhatian.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Setiausaha Parlimen yang berkenaan boleh-kah beliau mengatakan di-Dewan ini apa-kah tindakan Kerajaan akan ambil supaya jurutera² yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan tidak meletakkan jawatan-nya?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Kerajaan pada masa ini telah menjalankan sekim gaji yang baharu yang memberi perhatian yang lebih berat kepada jawatan² professional dan dari sa-masa ka-samasa perkara ini sentiasa di-perhatikan oleh pihak Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar Dewan ini telah meluluskan Akta untuk memaksa doktor² berkhidmat di-perkhidmatan Kerajaan sa-lama dua tahun sa-lepas pendaftaran

dan sa-belum mereka mendaftar nama-nya di-dalam pendaftaran Kerajaan? Boleh-kah Kerajaan mengambil tindakan saperti itu tentang jurutera² yang lulus daripada Universiti Malaya?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Pandangan itu pandangan yang baik dan akan di-perhatikan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kami sedar Kerajaan terlampau kurang jurutera², mengapa Setiausaha Parlimen tidak boleh beritahu kepada Dewan ini Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk memaksa jurutera² yang lulus daripada Universiti Malaya kerja di-perkhidmatan Kerajaan sa-lama dua tahun?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saperti yang telah di-katakan tadi chadangan itu ada-lah dalam perhatian.

GAMBAR RAJA²/PERMAISURI² DAN PERDANA MENTERI

2. **Tuan Pengarah Rahun anak Debak** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengarahkan semua Jabatan² Kerajaan dan Institusi² Kerajaan supaya jangan menurunkan gambar Raja² dan Permaisuri² serta Perdana Menteri yang terdahulu, daripada bangunan² dan Jabatan² Kerajaan, sa-bagai suatu tanda penghormatan kepada mereka.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Malaysia mem-bekalkan pemilehan Yang di-Pertuan Agong dari sa-masa ka-samasa dan juga perlantikan Perdana Menteri daripada sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat yang mendapat kepercayaan sa-bilangan besar Ahli Dewan itu. Amalan menggantung gambar Yang di-Pertuan Agong serta Perdana Menteri ada-lah sa-jajar dengan perbekalan² Perlembagaan. Kerajaan tidak menghalang sa-siapa menggantungkan gambar Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri yang lalu asalkan gambar² tersebut tidak di-letakkan di-tempat yang lebih istimewa daripada gambar² Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri yang ada.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan berchadang bahawa sa-lain daripada Pejabat² Kerajaan, ia-itu di-bangunan² perniagaan dan juga kedai² dalam negeri ini supaya mereka menggantung gambar Ketua

Negara dan Perdana Menteri dan dengan ini sa-bagai membuktikan mereka mengamalkan perinsip Rukunegara yang kedua. Kesetiaan kepada Raja?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Memang-lah perkara ini di-galakkan oleh Kerajaan dan pehak Kerajaan menerusi Jabatan Pene-rangan ada menchetak gambar² ini dan di-bagi dengan perchuma ka-merata tempat.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Jikalau tidak di-laksanakan, apa-kah boleh Kerajaan mengambil tindakan atas masaalah ini?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Itu terpulang kepada kesedaran ra'ayat yang berkenaan itu sendiri.

RA'AYAT MALAYSIA BEKERJA DI-SINGAPURA

3. **Tuan V. David** bertanya kepada Perdana Menteri berapa ramai-kah ra'ayat Malaysia yang bekerja di-Singapura dan ada-kah benar bahawa mereka meninggalkan pantai Malaysia kerana gagal untuk menchari sara hidup.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tiada menyimpan rekod terhadap bilangan ra'ayat Malaysia yang bekerja di-Singapura.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar kadang² Kerajaan Singapura mengeluarkan kenyataan di-akhbar ia-itu barangkali 60,000 pekerja² asing sedang bekerja di-Singapura dan kebanyakan-nya datang daripada Malaysia? Jika itu benar dan saya perchaya khabar itu benar, ada-kah Kerajaan sedar jika ekonomi di-Singapura turun—down in the economy of Singapura, pekerja² Malaysia yang sedang bekerja di-Singapura boleh di-hantar balek ka-Kuala Lumpur dan jika itu berlaku, apa-kah tindakan Kerajaan untuk memberi kerja kepada mereka?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Kita akan menimbangkan hal itu bila keadaan itu timbul.

Tuan Hashim bin Gera: Ada-kah Kerajaan Malaysia sedar bahawa buroh² yang mem-bawa untong nasib-nya pergi bekerja di-Singapura itu kerana gaji buroh di-Singapura lebih mahal daripada Malaysia. Mithal-nya, sa-orang buroh kasar ia-itu \$6

tetapi kalau buroh itu ada kepandaian yang lain sa-hingga meningkat \$18? Tetapi di-Malaysia sa-orang buroh bekerja di-kilang papan hanya \$2.50 bagi lapan jam, apa-kah Kerajaan akan ambil tindakan dengan buroh² di-Malaysia yang gaji-nya murah?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, barangkali suatu anggapan yang salah bahawa negara seperti Malaysia ini tidak memerlukan tenaga daripada pekerja² mahir, tetapi kedudukan gaji antara Malaysia dengan negeri² lain memang-lah berbedza.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana Malaysia memerlukan pekerja² yang mahir, ada-kah Kerajaan tahu bahawa kebanyakan bekas² pekerja dengan Sharikat EMMCO di-Dungun Tenggau yang sa-bahagian besar-nya adalah terdiri daripada pekerja² yang mahir tidak dapat bekerja di-Malaysia dengan tangga gaji yang sa-patut-nya dan mereka ramai telah berhijrah ka-Singapura untuk menchari pekerjaan yang sa-layak-nya bagi kepandaian mereka.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Sa-bahagian daripada pekerja² bekas Lombong Bukit Besi Dungun telah dapat pekerjaan di-berbagai² tempat dan sa-bahagian-nya mana yang menchari pekerjaan di-tempat lain itu ter-pulang kapada mereka sendiri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kapada Perdana Menteri sedar bahawa sunggoh pun sa-bahagian besar daripada mereka tidak dapat bekerja kerana tidak di-terima oleh pihak sharikat² atau pun kalangan swasta kechuali sa-bahagian kechil mereka bekerja dengan LKTP dan Jabatan Kerja Raya, apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh pihak Kerajaan untuk memberi pekerjaan kapada mereka di-atas kelayakan mereka?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, barangkali apa yang Kerajaan boleh beri kemudahan dalam memberi pekerjaan seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi ia-lah di-LKTP dan Pejabat Kerja Raya, sa-lain daripada itu pihak Kerajaan sedang menjalankan satu ranchangan besar di-Dungun sendiri untuk menampung pekerja² itu ia-itu Kompleks Kayu-kayan yang akan menelan perbelanjaan sa-banyak \$50 juta yang sudah mula di-jalankan sekarang ini

dan kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak sedar maka dia patut tahu apa yang berlaku dalam kawasan-nya sendiri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Tidak-kah pihak Kerajaan sedar bahawa bekas pekerja² Bukit Besi payah hendak di-terima dengan sharikat atau pun dengan perusahaan² yang di-dirikan dan di-adakan di-daerah Dungun sendiri dengan sebab kata mereka pekerja² Bukit Besi ini tidak mahir walau pun mereka bekerja ber-puluh tahun dengan membawa bulldozer, dan sa-bagai-nya? Tidak-kah Yang Berhormat itu berfikir bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian dan minta supaya sharikat yang menjalankan pengendalian perusahaan atau pun ranchangan di-situ menerima bekas pekerja² Bukit Besi ini dengan sa-banyak²-nya?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Mungkin barangkali jenis pekerjaan yang di-jalankan oleh sharikat² yang di-maksudkan itu ber-lainan, tetapi perkara ini akan di-ambil perhatian.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar beberapa pekerja² yang mahir atau dalam bahasa Inggeris "skilled labour" yang telah pergi ka-Singapura untuk menchari pekerjaan di-sana dan jika beliau sedar, apa langkah atau tindakan Kerajaan akan ambil supaya pekerja² mahir ini boleh di-beri kerja di-negeri kita sa-lain daripada JKR, Lembaga Kemajuan dan sa-bagai-nya?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Dasar Kerajaan menggalakkan perkembangan per-indastrian negeri ini ia-lah untuk meng-absorbkan pekerja² sa-bagai itu dan lain²-nya.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) Is the Ministry aware that some Malaysian citizens have been sent to work in Singapore through the Labour Office in Seremban and as such the Ministry should have some records of some Malaysians working in Singapore?

Tuan Yang di-Pertua: What is the question?

Dr A. Soorian: Is the Ministry aware that some Malaysians have been sent to work in Singapore through the Labour Office in Seremban which means that the Government should be aware, or have some records at least, of Malaysians working in Singapore?

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): (*Dengan izin*) Sir, the Labour Offices throughout the country send workers to work for firms established or firms that have their offices within Malaysia. If for some reason they send their workers outside the country on a temporary basis with arrangements between the workers and the firms, it is for them and the workers. This, if at all happens, is on a short term basis.

Dr A. Soorian: Is it the policy of the Government to send the workers from Malaysia to other countries, and if so, what is the basis of such selection of workers?

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, it is not the policy.

MALAYSIA: DEATH OF A DEMOCRACY—JOHN SLIMMING

4. Dr A. Soorian: (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dengan terang-nya, sama ada buku yang bertajok "Malaysia: Death of a Democracy", yang di-karang oleh John Slimming, di-haramkan dari peredaran di-negara ini, jika ya, beri sebab² mengapa keputusan tersebut di-buat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Ya'acob): Tuan Yang di-Pertua, buku yang bertajok "Malaysia: Death of a Democracy" karia John Slimming telah di-anggap sa-buah penerbitan parasangka di-bawah Sekshen 9 (1) Ordinan Kawalan Penerbitan² yang di-Impot 1958 oleh sebab kepentingan, Ketenteraman Awam dan Perpaduan Negara.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, first of all, I do not know whether the Honourable Deputy Minister has read the book. I would say that I have read this book not in this country but outside this country so that, Sir, I have not committed an offence. (*Ketawa*). Mr Speaker, Sir, is the Honourable Deputy Minister aware that this book while it may not be flattering to the Alliance Government, nevertheless does not contain anything that may be construed to be sensitive, racial and as such whatever may be the Section that the Honourable Deputy Minister has quoted, I do not see how it can be a book against the security of this country.

Tuan Mohamed bin Ya'acob: (*Dengan izin*) Mr Speaker, that is a matter of opinion.

Tuan Yang di-Pertua: I still fail to see what is the question, but it has been answered anyway. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Another supplementary question, Mr Speaker. Is it because that book incidentally has some flattering passages about me that it was banned? (*Ketawa*).

Tuan Mohamed bin Ya'acob: That is not true, Tuan Yang di-Pertua.

JAWATAN-KUASA PENGGUNA²— MENUBOHKAN

5. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada beliau berchadang untuk menubuhkan suatu Jawatan-kuasa Pengguna² untuk menyiasat kenaikan harga barang² dengan sa-chara haram oleh pengusaha²-nya.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Speaker, Kementerian saya telah pun menubuhkan satu Jawatan-kuasa Penasihat Berkenaan Harga Barang² Keperluan di-bawah Section 3 Ordinan Pengawalan Harga² 1946 dan Jawatan-kuasa ini mengadakan meshuarat dari masa ka-semasa untuk membantu Kementerian saya menchari jalan² bagi mengatasi masaalah² berkenaan dengan kenaikan harga. Wakil Persatuan Pengguna² juga menjadi ahli di-dalam Jawatan-kuasa tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Is the Minister aware that since the Budget Address when it was announced that there will be a sales tax and even before the sales tax can be implemented, there have been increases in the price of a wide range of goods and there is also scarcity of goods causing a lot of frustration and inconvenience among consumers and the poor. Now, what is being done about it by the Ministry?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this is not relevant to the question.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Menteri yang berkenaan beritahu kepada Dewan ini sa-belum Kementerian beliau memberi kebenaran kepada perusahaan² menaikkan harga barang²-nya, Jawatan-kuasa Penasihat yang di-tubuhkan oleh Kementerian-nya siasat perkara ini sa-belum kebenaran di-beri kepada perusahaan²?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar atau ada-kah Jawatan-kuasa Penasihat ini sedang mengkaji kenaikan harga benda² seperti gula dan sa-bagai-nya dan bukan kenaikan harga sahaja? Benda² ini tidak boleh di-dapati di-pasar² di-seluruh Malaysia. Ada-kah Jawatan-kuasa Penasihat ini siasat atas perkara ini dan memberi nasihat kepada Menteri?

Tuan Mohamed Khir Johari: Jawatan-kuasa ini hanya menasihati berkenaan dengan kenaikan atas permintaan bagi mana² sharikat untuk menaikkan harga barang mereka itu. Jawatan-kuasa ini tidak bertanggung-jawab berkenaan dengan kekurangan barang² itu.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Can the Honourable Minister tell the House whether he is satisfied that this Advisory Committee has been able to effectively check the rise in the price of a wide range of consumer goods, even essential commodities, in particular, sugar in recent days? If not, whether he will agree that probably it is advisable to give some teeth to such an organisation to have the means to check such illegal and unjustified increases in price.

Tuan Mohamed Khir Johari: The work of this Committee is, as the name implies, purely advisory. Checking the prices in shops is the duty of the Price Inspectors, who are under my Ministry.

Tuan Lim Kit Siang: Could it be that the Committee has been giving the wrong advice because the prices are still continuing to go up?

Tuan Mohamed Khir Johari: Among those in the committee is Professor Ungku Aziz and I think he is quite an authority on this.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan sedar bahawa harga barang telah naik sejak belanjawan ini di-kemukakan di-Dewan Ra'ayat.

Tuan Mohamed Khir Johari: Yang saya tahu barang naik itu ada juga yang naik, mithal-nya semenjak peperangan di-Bangla Desh harga bawang sudah naik bukan bersangkut dengan yang lain tetapi fasal mereka itu mengatakan ta' dapat supply daripada India. Jadi kerana barang² lain di-katakan naik itu kalau Ahli Yang Berhormat itu beritahu saya satu per satu boleh saya beri sebab²-nya dan boleh juga saya menyiasat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar saya boleh bagi satu chontoh benda yang harga-nya di-naikkan ia-itu gula. Oleh sebab

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak bagi chontoh atau hendak tanya soalan tambahan.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Menteri yang berkenaan menyatakan kalau kami boleh beritahu apa harga yang di-naikkan beliau

Tuan Yang di-Pertua: Di-waktu ini hanya boleh berdiri jika ada soalan tambahan sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Ya. Soalan tambahan yang saya hendak bertanya kepada Menteri ia-lah ada-kah beliau sedar oleh sebab Kementerian-nya memberi kebenaran kepada perusahaan² gula untuk menaikkan harga-nya, maka sekarang harga gula telah di-naikkan dan jika beliau sedar apa tindakan beliau akan ambil supaya harga gula tidak boleh di-naikkan lebih daripada yang di-dapati kebenaran.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu Kementerian saya tidak ada memberi kelulusan untuk kilang² gula menaikkan harga gula mereka itu dan seperti mana yang saya telah mengatakan dalam kenyataan saya dalam akhbar², kalau mana² ahli, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat tetapi siapa juga pengguna ada

keterangan mengatakan pekedai itu mengambil harga lebih daripada yang ditentukan, minta beritahu dengan sa-berapa chepat, kalau boleh, kalau ada lapang saya sendiri hendak pergi tangkap, hendak rampas gula yang ada di-kedai itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah di-sini saya menjemput Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kalau beliau ada masa lapang mengikut saya ka-Jinjang Utara di-mana harga gula tidak boleh di-dapati dan harga-nya di-naikkan, kalau beliau ada masa?

Tuan Mohamed Khir Johari: Dengan syarat kalau ada jamuan teh sama boleh-lah. (Ketawa).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, perkara harga gula itu betul tetapi ta' boleh dapat langsung gula sekarang. Jadi apa-kah tindakan Kementerian berkenaan dengan pekedai² yang ta' mahu menjual langsung gula ini? Apa tindakan Kementerian akan ambil?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, kalau tidak beritahu kedai mana yang ta' jual itu, macham mana saya hendak ambil tindakan. Itu chakap sa-chara 'am, itu siapa pun boleh chakap. Tunjukkan kepada saya dan saya akan ambil tindakan. Dan apa tindakan yang saya ambil itu, saya beri guarantee akan berkesan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan mengambil tindakan segera dengan saya beritahu di-sini ia-itu saya kembali ka-Dungun baharu sa-hari dua ini, saya dapati di-Dungun tidak ada gula dan saya sendiri yang menchari gula. Boleh-kah tidak Yang Berhormat Menteri tolong beritahu supaya menghantar gula ka-daerah Dungun?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, barangkali sekarang ini sudah ada. (Ketawa).

Tuan Lim Kit Siang: Sir, apart from gula, other items like ikan bilis, plates and others have also risen in price during the last few days after the Budget Speech. Is the Ministry

or this Advisory Committee aware of this and what recommendations it has made to the Ministry and what action the Ministry is taking to check these increases?

Tuan Mohamed Khir Johari: My Ministry is on constant watch over these complaints and I can assure you that in respect of essential commodities where there is a very strict control, where anybody who tries to go against this, immediate action will be taken and even right now my inspectors are going round the kampongs and other suitable places in order to catch any culprit.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah pekedai² yang enggan menjual terutama-nya macham gula, yang di-sebutkan dalam Dewan ini, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri ada-kah hendak mengambil tindakan ini menunggu Yang Berhormat Menteri datang? Tidak-kah boleh di-luluskan kuat-kuasa memerintahkan supaya menjual gula kepada Polis tiap² daerah dalam negeri ini supaya menyenangkan ra'ayat yang sedang menunggu² meng-hendakkan gula ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya kata apabila saya pergi sahaja sa-patut-nya saya sendiri pergi, tidak, saya tidak kata begitu, tetapi saya katakan kalau ada tempat² yang boleh saya dapat pergi sendiri saya suka sangat hendak melihat mana² kedai yang melanggar peratoran itu. Berkenaan dengan perkara ini juga saya suka-lah hendak melanjutkan penerangan ia-itu boleh jadi ada sa-tengah² kedai² yang kecil, yang mithal-nya dia simpan gula dalam kedai-nya 20 kati; satu orang pengguna itu selalu-nya membeli sa-tengah kati, tetapi hari itu dia beli lima kati. Jika sa-orang beli lima kati, tentu-lah tidak ada gula di-kedai dia. Sekarang fasal ada rumours kata hendak naik harga, dengan sebab itu semua orang rush untuk membeli gula itu. Sa-benar-nya memang berlaku kenaikan harga gula di-pasaran dunia, tetapi rumours itu sahaja di-keluar²kan bahawa kenaikan² itu akan datang. Dengan sebab itu boleh jadi ada ramai orang yang pergi untuk membeli gula lebih daripada yang biasa.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan

di-dalam Dewan ini bahawa sa-panjang tahun 1972 ini harga gula tidak akan naik dalam Malaysia?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, ini hendak kata turun pun susah, hendak katakan naik pun susah, kerana daripada apa yang saya lihat dalam bulan Julai tahun 1971 harga gula mentah di-dunia ia-lah sa-banyak £43 satu tan. Kemudian dalam bulan Disember, 1971—£57 satu tan, tetapi sekarang sudah naik £76 satu tan. Jadi, saya sendiri tidak boleh-lah bagi pengakuan itu, tetapi dengan kerjasama daripada Jawatan-kuasa ini dan juga dengan kesedaran Kerajaan kita terhadap kesusahan ra'ayat, saya perchaya-lah kita akan ambil apa juga tindakan untuk mengelak daripada kenaikan bukan sahaja gula, tetapi barang² lain juga.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kira-nya Yang Berhormat Menteri tidak dapat memberi jaminan apa-kah usaha² untuk menghapuskan khabar² angin bahawa gula akan naik dalam Malaysia?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, usaha-nya ia-lah dengan memberi statements dalam radio dan dalam surat khabar. Itu sahaja yang saya boleh buat.

KOLAM IKAN AYER TAWAR

6. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertanian menyatakan berapa jumlah kolam ikan ayer tawar, termasuk tasek dan tebat, di-bawah kelolaan Kementerian-nya dan apa kemudahan² yang di-beri oleh Kementerian dalam ranchangan memelihara ikan ayer tawar ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kolam ikan dalam Malaysia Barat ia-lah 6,612. Luas kolam² ini ia-lah di-antara 1/8 hingga 30 ekar. Jumlah bilangan tasek², parit taliayer dalam Malaysia Barat ia-lah 228 dan luas tempat sa-umpama ini ia-lah di-antara 1/2 hingga 7 ekar sahaja.

Kemudahan² Bagi Ranchangan Memelihara Ikan Ayer Tawar

Kemudahan² yang di-beri oleh Kementerian dalam ranchangan ini boleh di-bahagikan kepada lima (5) bahagian, ia-itu:

(1) Nasehat² bagi penternak² ikan

Nasehat² di-beri oleh Bahagian Perikanan sa-chara risalah² dan cheramah² mengenai pemilehan tapak² kolam ikan, pembenaan kolam² ikan, chara² pemeliharaan ikan, tangkapan ikan, jualan ikan² penyelenggaraan dan menjaga kolam² ikan.

(2) Bantuan bagi penternak² ikan

Di-antara bantuan² yang boleh di-beri oleh Bahagian Perikanan ia-lah:

- (a) memusnahkan musoh² ikan dalam kolam² ikan.
- (b) pemberian beneh² ikan (Lampam Jawa, Talapia kachokan, Lee Koh dan Kalui) dengan perchuma. Beneh² ikan di-biakkan di-Pusat² Pembaikbiakan Ikan di-Tapah, Bukit Tinggi, Enggor dan Machang. Dalam tahun ini, sehingga bulan Oktober, sa-banyak 2,319,188 beneh² ikan telah di-beri.
- (c) pemberian baja, kapur, paip² saluran dan simen.
- (d) peminjaman jaring bagi penangkapan ikan, pam² ayer, alat² untuk pembenaan dan membaiki kolam² ikan.

Sa-lain daripada bantuan² yang tersebut di-atas, bantuan² pembenaan kolam² ikan dan pemberian beneh² ikan, ia-itu ikan Tongsan dengan perchuma hanya di-beri kepada Ranchangan² Tanah sahaja.

(3) Latehan bagi penternak² ikan

Sa-buah Pusat Latehan Perikanan Darat telah di-bena oleh Bahagian Perikanan di-Pusat Pembaikbiak Ikan, Bukit Tinggi. Tiap² tahun sa-banyak 20 kursus sa-lama 3 minggu tiap² satu kursus di-jalankan di-Pusat ini. Sa-ramai 20 orang pelateh di-terima bagi tiap² kursus. Kemudahan² saperti:

- (i) Kenderaan dari rumah ka-pusat latehan dan balek di-bayar kepada pelateh².
- (ii) Tempat penginapan di-sediakan dengan perchuma, dan
- (iii) Bayaran sa-banyak \$4 sa-hari di-beri kepada tiap² pelateh untuk perbelanjaan makanan.

(4) Penyelidekan

Penyelidekan untuk membiak ikan² Tongsan dan ikan² India sedang di-jalankan di-Pusat² Pembaikbiak Ikan Enggor, Tanah Rata, Tapah dan Bukit Tinggi supaya dapat menambah bekalan beneh² ikan jenis ini kepada penternak² ikan.

(5) Pelepasan beneh² ikan di-dalam Perayeran² Umum

Usaha² sedang di-jalankan untuk melepaskan beneh² ikan di-dalam perayeran umum (tasek², sungai², parit taliayer, bekas² lombong dan paya²) untuk faedah penduduk² di-luar bandar. Sa-hingga bulan Oktober, 1971, sa-banyak 1,538,169 beneh² ikan di-lepaskan di-tempat² ini oleh Bahagian Perikanan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini memikirkan supaya di-luaskan penyelidekan bukan sahaja ikan ayer tawar, tetapi kita masukkan udang² di-sungai ayer tawar?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, penyelidekan udang memang sedang di-jalankan oleh Jabatan Perikanan, tetapi masalah udang ini ada-lah lain sedikit daripada masalah ikan kerana sa-panjang yang di-ketahui oleh Jabatan Penyelidekan Udang soal penternakan dan menetas telur tidak sama dengan menternak dan menetas telur ikan ayer tawar. Yang demikian satu² keputusan mengenai penyelidekan ini belum dapat di-terbitkan lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Kementerian ini mengatasi satu² masalah yang sedang di-sungutkan oleh penduduk luar bandar ia-itu ada manusia² yang memusnahkan ikan ayer tawar di-sungai² atau tasek² menggunakan rachun dan juga melalui gas²? Apa-kah langkah Kementerian ini buat atas masalah itu?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, rasa-nya itu masalah lain dan bukan tanggung-jawab Kementerian berkenaan perkara itu.

BANJIR—RANCHANGAN PERAYERAN MUDA

7. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar bahawa kejadian² banjir yang kerap berlaku pada sa-tengah² tempat terutama sa-kali dalam Ranchangan Perayeran Kuala Muda di-Kedah, di-sebabkan oleh ban² tali ayer Ranchangan tersebut, dan jika ya, terangkan apa-kah tindakan yang akan di-jalankan untuk mengurangkan kejadian² banjir tersebut.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, untuk ma'aluman Yang Berhormat itu suka saya menyatakan bahawa tidak ada ranchangan bernama "Ranchangan Perayeran Kuala Muda" di-Kedah. Ranchangan yang ada ia-lah "Ranchangan Perayeran Muda, Kedah/Perlis."

Walau bagaimana pun oleh kerana Yang Berhormat itu tidak menyebutkan kawasan² yang berturut² mengalami kejadian banjir itu, maka tidak-lah dapat saya menjawab dengan pasti-nya. Saya chuma dapat menerangkan bahawa usaha telah di-jalankan sepanjang masa bagi mengatasi kejadian² banjir di-mana² sahaja di-kawasan Ranchangan Perayeran Muda ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri berkenaan sedar bahawa sa-nya sa-tengah² tempat di-dalam Kawasan Perayeran Muda pada awal-nya saloran ayer sangat luas, apabila di-buat ban, maka saloran ayer yang luas itu tertahan dan terkambus dan di-gantikan dengan kok yang terlampau kechil—apabila ia-nya terlampau kechil, maka apabila datang ayer hujan yang lebat, maka ayer tidak dapat lari dengan saderas²-nya? Dengan sebab itu-lah terjadi banjir.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang menyedari perkara itu dan usaha² bagi mengatasi sedang di-jalankan.

JETI² UNTUK NELAYAN²— PEMBENAAN

8. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Pertanian bila-kah Kementerian beliau berhadang hendak membena jeti² untuk nelayan² di-

- (a) Sekinchan;
- (b) Kuala Sungai Tanjong Karang; dan
- (c) Seberang Pekan, Kuala Selangor.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, binaan jeti² untuk nelayan adalah berdasarkan di-antara lain banyak-nya nelayan² yang akan menggunakan jeti itu. Ini bermakna satu² jeti apabila di-bina hendaklah di-gunakan sa-penoh²-nya dan tidak tinggal membazir sahaja. Di-kawasan² yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu banyak nelayan-nya ia-lah:

Sekinchan—250 orang

Tanjong Karang—250 orang

Seberang Pekan, Kuala Selangor—300 orang

Mengikut angka² ini tidak-lah harus di-tiap² tempat ini di-adakan jeti, lagi pun di-tempat² ini ada terdapat pelantar² kepunyaan nelayan² dan tuan punya bot dan chara ini ada-lah lebih sesuai bagi mereka ini yang berbilangn maseh kechil lagi itu.

KAKI-TANGAN TEKNIKAL BUMIPUTRA—MEMBANYAKKAN

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik menyatakan apa-kah usaha² yang di-buat untuk membanyakkan kaki-tangan teknikal bumiputra dalam Jabatan Kerja Raya.

Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk membanyakkan lagi kaki-tangan teknikal bumiputra dalam Jabatan Kerja Raya dengan chara memberi banyak lagi biasiswa² untuk chalun bumiputra. Dukachita usaha ini tidak mendapat kejayaan yang di-jangka oleh sebab kekurangan bilangan chalun² yang terdiri daripada orang² bumiputra yang mempunyai kelayakan untuk di-beri biasiswa² tersebut.

Bagi tahun 1970, Kementerian ini telah memohon sa-banyak 100 bilangan biasiswa untuk kursus² teknikal. Tujuan rancangan ini mempunyai dua maksud ia-itu untuk

menambahkan lagi kemampuan Jabatan Kerja Raya sambil memperbaiki kedudukan orang² bumiputra di-dalam perkhidmatan² kejuruteraan-nya. Walau bagaimana pun, oleh sebab tiada-nya bilangan chalun² bumiputra yang menchukupi, chuma 37 biasiswa² sahaja telah di-keluarkan dan di-antara-nya 30 telah di-beri kepada chalun² bumiputra. Bagi tahun 1971 sa-banyak 96 biasiswa telah di-minta tetapi chuma 51 biasiswa sahaja telah di-keluarkan, kerana memandang kepada kekurangan bilangan chalun² yang berkelayakan. Di-antara 51 biasiswa itu, 44 telah di-beri kepada chalun² bumiputra.

Bagi jawatan² Pembantu Teknik dan Juruteknik pula, Kementerian ini telah juga meminta Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membanyakkan lagi biasiswa² yang di-beri untuk kursus² di-Maktab Teknik dan di-Politeknik Ungku Omar. Di-antara 107 penuntut² Tahun Satu di-Maktab Teknik yang telah di-beri Biasiswa Persekutuan, 98 ia-lah penuntut² bumiputra. Semua penuntut² Tahun Dua yang telah di-beri biasiswa ia-itu sa-ramai 80, ia-lah penuntut² bumiputra. Bagi Tahun Tiga pula, 12 di-antara 22 penuntut² yang memegang biasiswa ia-lah penuntut² bumiputra.

Bagi tahun 1970, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan 73 biasiswa untuk kursus² di-Politeknik Ungku Omar dan di-antara-nya 71 telah di-beri kepada chalun² bumiputra. Bagi tahun 1971 pula, 200 biasiswa telah di-keluarkan dan di-antara-nya, 193 telah di-beri kepada chalun² bumiputra.

Dengan langkah² ini ada-lah di-harap kekurangan kaki-tangan professional dan teknikal bumiputra dapat di-atasi di-masa yang akan datang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, bila-kah agak-nya pada anggaran pehak Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik akan selesai atau terchapai tujuan-nya untuk membanyakkan atau mensaibangkan ahli² teknikal daripada bumiputra daripada Jabatan ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, masaaalah ini kita harap dapat di-atasi—bagi pehak Kerajaan akan terus menyambong apa yang sudah buat di-hari yang sudah² dan masaaalah ini kita

harap-lah dengan kerjasama daripada bumi-putra sendiri untuk mengambil peluang² ini, dan berazam untuk mengatasi masaalah ini, dan kita harap akan dapat di-selesaikan dengan sa-berapa lekas.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah langkah² yang di-ambil untuk meluaskan sibaran² atau pun dengan tegas-nya kempen untuk kaum bumiputera mengambil bahagian atau pun mengambil kursus yang di-tawarkan oleh pehak Jabatan ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Minta ma'af, kurang terang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulang sa-kali lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apa-kah langkah² yang di-ambil oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya sibaran² ini di-jalankan dengan sa-chara meluas atau pun kempen-nya dengan sa-chara bersungguh² agar kaum bumiputera menerima memasoki atau menerima tawaran yang di-keluarkan oleh Kementerian yang berkenaan?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini saya fikir tiap² pemimpin dalam negara ini baik Menteri-nya, baik Ahli² Parlimen dan lain² semua-nya memberitahu kapada ra'ayat untuk mengutamakan sains dan teknologi dalam negara ini, jadi dengan chara ini, saya perchaya makin sa-hari ra'ayat akan makin lebeh sedar dan dengan chara ini kita boleh mengatasi masaalah ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat satu chara ia-itu memberi galakan kapada anak² pekerja bumiputera di-Jabatan Kerja Raya untuk mengikuti kursus yang tersebut?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah di-ketahui bahawa dasar Kerajaan kita pada hari ini ia-lah sangat² mengutamakan teknoloji dan pelajaran sains. Jadi saya perchaya dengan chara ini kita boleh-lah mengatasi masaalah ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini

apa-kah tindakan Kementerian ini atau Kementerian Pelajaran yang telah di-ambil atau akan di-ambil untuk menggalakkan pelajaran sains supaya di-masa akan datang chalun² saperti yang di-sebutkan oleh Menteri itu boleh menchukupi?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya soalan ini harus di-jawab oleh rakan saya, tetapi saya perchaya rakan saya bersetuju yang jawapan-nya ia-lah pada waktu ini Kerajaan akan beri priority kapada scholarship untuk sains.

JAMBATAN KUALA SELANGOR— MEMPELAWA TENDER

10. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik menyatakan bila-kah Kementerian beliau akan mempelawa tender bagi membena jambatan Kuala Selangor yang telah lama di-tunggu² oleh penduduk² di-situ.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-buah kontrek bagi penyiasatan tanah telah pun di-tawarkan dan rekabentuk kejuruteraan bagi jambatan ini oleh J.K.R. ada-lah di-jangka siap pada lewat 1972. Tawaran untuk pembenaan-nya akan di-jemput sa-lepas sahaja penyiapan rekabentuk, dan pembenaan ada-lah di-jangka mengambil masa dua tahun.

PERTANDINGAN² SOKAN

11. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan ada-kah benar Malaysia telah merosot dan selalu tewas dalam pertandingan² sokan dan olahraga antarabangsa; dan jika ya:

- (a) sudah-kah di-siasat sebab²-nya; dan
- (b) apa-kah langkah² untuk menggalakkan kemunchulan sokan sa-chara professional di-negara ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak benar bahawa mutu sokan di-Malaysia telah merosot sungguh pun kita ada mengalami kegagalan dalam satu² pertandingan di-antarabangsa. Sa-balek-nya pula saya rasa kita telah juga memperolehi beberapa kejayaan dalam beberapa pertandingan sokan. Dan kegagalan kita saya rasa di-dalam satu² pertandingan bukan-lah kerana mutu sokan

berkenaan telah merosot pada keseluruhannya, tetapi oleh kerana kemajuan negara yang menang itu di-dalam sokan² yang tertentu yang berkenaan ada-lah lebih pesat lagi daripada kita. Kementerian Sokan ada-lah menyiasat akan sebab² mengapa kemajuan kita di-lapangan satu² sokan tidak begitu pesat sa-bagai negara² yang lain.

Masalah sama ada Kementerian Sokan akan menggalakkan penubuhan badan² sokan professional, saya suka menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa soal sama ada Kementerian menggalakkan atau pun tidak, tidak-lah berbangkit kerana penubuhan satu² badan sokan professional ada-lah terpulung kepada badan² yang berasangan kerana badan² sokan professional ada-lah faedah satu badan perniagaan yang mesti mempunyai modal, mempunyai pendapatan wang yang mencukupi bagi membayar gaji² ahli² sokan yang di-anggap professional.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar permainan cricket standard-nya merosot. Jika sedar, apa tindakan Menteri akan mengambil untuk menggalakkan permainan cricket di-sekolah² & asing² di-seluruh Malaysia?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku memang sokan cricket tidak begitu maju sa-bagaimana yang biasa berlaku pada masa² yang lepas. Saya telah mengambil langkah berhubung dengan Majlis Sokan² Sekolah dan Setiausaha-nya telah menyatakan kepada saya bahawa tidak lama lagi Majlis ini akan mengadakan pertandingan cricket di-antara sekolah² dan Kementerian saya telah setuju memberi bantuan kewangan supaya boleh di-adakan pertandingan² itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini mengambil juru lateh daripada luar negeri untuk membaiki mutu sokan dan olahraga kita?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Buat pada masa ini belum lagi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi badan² sokan yang berasangan ada mengambil juru² lateh daripada negeri luar untuk melatih pemain² dan bakal² juru lateh kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri Kebudayaan sedar bahawa selalu-nya pemain² sokan Malaysia apakala bermain di-luar

negeri semangat-nya lemah, tetapi kalau bermain di-negara sendiri semangat-nya lebih kuat. Apa-kah usaha² yang di-jalankan supaya pemain² kita semangat-nya tidak luntur baik di-dalam atau pun di-luar negeri?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat Ahli Yang Berhormat itu sa-balek-nya saya rasa semangat pemain² kita di-luar negeri pada masa ini lebih bagus lagi daripada masa² yang lepas sa-bagaimana yang di-tunjukkan oleh mereka dalam pertandingan bola yang di-adakan di-Korea baharu² ini dalam mana mereka telah bermain dengan begitu semangat yang telah mencapai kejayaan.

LAWATAN² KEBUDAYAAN DENGAN REPUBLIK RA'AYAT CHINA

12. Dr A. Soorian (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan sama ada beliau berchadang untuk tukar-menukar lawatan² rombongan kebudayaan dengan Republik Ra'ayat China.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya tidak.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri yang berkenaan beri sedikit keterangan sebab² beliau tidak memberi rombongan kebudayaan kebenaran pergi ka-Republik China?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat barangkali sedia ma'alum satu² Kerajaan itu chuma menguruskan pertukaran badan² kebudayaan antara satu negara dengan satu negara yang lain dalam mana ada perhubungan diplomatik antara dua negara itu, tetapi dalam hal ini kita tidak lagi ada perhubungan diplomatik dengan negara China Kominis. Dengan kerana itu Kerajaan kita tidak dapat mengator rombongan kebudayaan untuk di-hantar ka-sana.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan sedar walau pun kami tidak ada perhubungan diplomatik dengan Republik China, kami telah menghantar rombongan perniagaan ka-Kominis China. Dan oleh sebab itu, mengapa-kah kami tidak boleh menghantar rombongan kebudayaan ka-Kominis China.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Saman: Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa badan perdagangan yang di-hantar ka-Kominis China itu bukan di-hantar oleh Kerajaan Malaysia bahkan di-hantar oleh badan berasingan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sedar bukan tidak sedar.

GURU² DALAM POLITIK—KEIZINAN

13. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan nama guru² yang telah mendapat izin khas daripada Kementerian untuk mengambil bahagian dalam politik dan sebab²-nya.

Satu perkara yang saya sangat berharap dapat timbangan daripada pehak Kerajaan ia-itu di-dalam negara kita ini kita mempunyai 60% daripada penduduk²-nya terdiri daripada belia² belaka. Jadi, pada pendapat saya molek sangat-lah bagi pehak Kerajaan memberi pertimbangan supaya dapat belia² kita mengambil bahagian yang chergas dalam bidang siasah kerana mengikut Perlembagaan kita sa-orang yang boleh mengundi atau boleh menjadi chalon mesti-lah berumur 21 tahun ka-atas. Saya harap dapat timbangan daripada Kerajaan supaya pinda Perlembagaan dan bagi peluang kepada belia² kita yang berumur 18 tahun ka-atas supaya mereka dapat

mengundi dan juga menjadi chalon. Sa-bagaimana yang kita ma'alom, Tuan Yang di-Pertua, di-Amerika Sharikat sudah diturunkan umur kepada 18 tahun, di-Indonesia kepada 17 tahun dan baharu² ini kita telah luluskan satu Undang² Had Umor Menjadi Orang Dewasa ia-lah 18 tahun. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat nampak sesuai-lah bagi negara kita ini memberi peluang kepada belia² kita yang 60% ramai-nya mengambil bahagian supaya dapat mereka menentukan nasib mereka dan berbinchang hal ehwal politik bagi masa hadapan.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin berchakap ia-lah mengenai Tangga Gaji Kaki-tangan Kerajaan. Mengikut Laporan Suffian dan Laporan Aziz, saya dapati Tangga Gaji Kaki-tangan Kerajaan, yang Tingkatan I dan II itu melambong bukan main tinggi. Yang Tingkatan III itu sederhana, tetapi yang Tingkatan IV itu tidak-lah begitu memuaskan, kerana kalau kita kaji dengan halusi sa-orang pegawai yang di-Tingkatan Superscale B, gaji-nya naik sa-hingga \$3,175. Kalau Tingkatan Jawatan Superscale A itu sampai \$4,000. Jadi, saya perchaya perkara ini tidak sesuai sa-orang Menteri gaji-nya \$3,000 pada hal pegawai-nya gaji lebih tinggi daripada Menteri. Jadi, elok sangat-lah bagi pehak Kerajaan boleh lantek suatu Surohanjaya menyiasat hal ehwal gaji supaya termasuk elaun atau gaji Menteri, Ahli² Dewan Ra'ayat, Ahli² Dewan Negara dan Ahli² Dewan Negeri supaya dapat di-beri keadilan dan mengikut jawatan yang tertentu. Saya shor-kan supaya gaji Menteri² ini jangan kurang daripada pegawai yang berkhidmat di-bawah mereka sendiri. Dan, Tuan Yang di-Pertua, kira-nya hendak di-adakan Surohanjaya untuk hendak mengkajikan gaji² ini patut-lah berdasarkan kepada harga barang² keperluan pada masa itu. Jangan-lah di-naikkan gaji² ini dengan sa-wenang²-nya kerana dengan ini menyebabkan barang² naik dan orang yang tidak ada kemampuan lebih susah daripada yang mereka alami dahulu. Dan saya sangat²-lah berharap kepada Kerajaan supaya menimbangkan samula atas perkara ini dan jikalau boleh dapat di-pinda supaya sesuai dengan keadaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita dapati pehak swasta mengadakan Tangga Gaji, ada yang sa-tengah-nya ta' patut

sangat—\$60 sa-bulan mithal-nya, ada yang sa-tengah-nya terlampau tinggi sangat, berlipat ganda daripada gaji Perdana Menteri dan juga tinggi daripada gaji Menteri. Jadi, ini sangat susah bagi Kerajaan hendak mentadbir, kerana kalau kita ambil sa-orang Pegawai Kerajaan beri kapada-nya gaji, dia chari peluang hendak keluar untuk berkhidmat kapada swasta kerana dia boleh dapat gaji yang lebih. Saya berharap Kerajaan mengadakan satu undang² supaya pehak swasta akan mengikuti Tangga Gaji Kerajaan supaya jangan di-naikkan dengan sa-wenang²-nya dan ini kita akan menyelamatkan kaki-tangan Kerajaan kita lari daripada Kerajaan dan berkhidmat kapada pehak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap mengenai perkara Penchen Ahli² Parlimen, yang mana kita telah pun luluskan kerana ada 12 orang, pada tinjauan saya yang sudah pun berkhidmat sa-lama 10 tahun, tetapi mereka tidak dapat penchen. Saya berharap pehak Kerajaan akan menimbangkan sa-mula atas Rang Undang² Penchen Bagi Ahli² Parlimen dan juga kaki-tangan Parlimen supaya di-pinda sa-muga 12 orang yang telah berkhidmat kapada Kerajaan sa-lama 10 tahun akan dapat penchen. Perkara ini bukan-nya susah kerana di-pinda sedikit sahaja sa-bagaimana yang saya sebutkan berkuat-kuasa 1-1-1970 itu di-pinda kapada kuat-kuasa 1-1-69 termasuk-lah 12 orang ini dalam lingkungan berpenchen.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang patut di-timbangkan lagi ia-lah mengenai jawatan Timbalan Speaker. Dalam jawatan Timbalan Speaker ini, Tuan Yang di-Pertua, chuma dengan sukarela sahaja, bukan-lah ada satu jawatan yang sah atau yang rasmi. Di-harap di-timbangkan supaya jawatan Timbalan Speaker ini sa-bagai jawatan rasmi dan di-beri gaji yang menasabah, yang sesuai dan dapat tanggung-jawab menolong Tuan Speaker di-atas urusan hal-ehwal Parlimen. Ini akan meringankan Tuan juga.

Satu perkara yang saya bangkitkan ia-lah mengenai Elaun Harian bagi Ahli² Parlimen. Sekarang kita dapat \$35 pada sa-hari, tetapi saya dapati ada dua buah negeri yang memberi \$50 sa-hari. Jadi, kalau-lah kita berimbang dengan Ahli Dewan Negeri, mereka mengatakan baik jadi Ahli Dewan Negeri, dia dapat \$50 kenapa jadi Ahli Dewan Ra'ayat? Jadi, saya harap pehak Kerajaan

akan timbangkan kerana gaji² bagi kaki-tangan Kerajaan pun sudah naik dan sangat patut-lah di-timbangkan, di-naikkan Elaun Harian itu daripada \$35 kapada \$50.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, jikalau di-beri kemudahan kapada kaki-tangan Kerajaan untok dapat pinjaman wang hendak beli rumah sa-hingga \$70,000, khas-nya pinjaman kapada Pegawai Kerajaan Division I, maka saya harap pehak Kerajaan akan timbangkan kapada Ahli² Dewan Ra'ayat, Menteri² baik pun Timbalan² Menteri, supaya orang yang masok dalam lingkungan hendak dapat penchen itu di-beri pinjaman juga wang untok dapat beli tanah atau pun beli rumah. Ini satu kemudahan yang saya harap dapat timbangan daripada Kerajaan.

Dan satu perkara yang saya berasa, dahulu saya sudah bawa perkara ini, satu kemudahan yang istimewa patut di-beri kapada Ahli² Parlimen Malaysia Barat ini untok melawat ka-Malaysia Timor, sa-kurang²-nya di-beri tiket kapal terbang melawat ka-sana. Kalau sa-tahun sa-kali pun jadi-lah supaya dapat kita berdamping dengan orang² di-Malaysia Timor dan tahu hal-ehwal mereka di-sana. Jadi, saya harap dapat kemudahan kapada Ahli² Parlimen yang ada di-sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat rungutan² daripada orang² di-kawasan saya, mengenai tidak puas hati mereka atas Lembaga Urusan dan Tabong Haji dan juga mengenai pengurusan mengenai kapal terbang yang membawa bakal² haji ka-Jeddah. Jadi saya ta' payah-lah berchakap panjang dalam perkara ini, kerana apa yang saya dapat tahu pehak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajar-nya supaya perkara ini jangan berlaku lagi. Banyak perkara² yang terjadi yang menimbulkan tidak puas hati yang menyebabkan banyak daripada bakal² haji dan juga orang yang menghantar bakal² haji itu susah pada masa itu. Jadi saya berharap-lah kapada pehak yang berkenaan supaya memperbaiki perkhidmatan ini.

Satu perkara yang besar, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mengenai dasar ekonomi negara kita. Pada masa sekarang, pada pendapat saya sendiri, saya ta' tahu-lah apa-kah amalan negara kita dari segi dasar ekonomi. Ada-kah kita berchorak kapitalis, atau ada-kah kita berchorak sosialis? Tetapi kadang²-nya di-katakan free enterprise. Saya

harap pehak Kerajaan akan menentukan yang mana satu supaya dapat ra'ayat jelata kita faham sa-benar²-nya akan dasar ekonomi kita. Pada pandangan saya, oleh kerana negara kita ini, ugama rasmi-nya ia-lah ugama Islam, dan dasar ekonomi yang berpanduan kapada ugama Islam itu mengatakan jika perbelanjaan bagi sa-saorang itu \$5 sa-hari chukup bagi diri-nya, kalau dia boleh menchari \$5 sa-hari, dan lebeh daripada itu, dia sudah jadi kaya—lengkongan orang kaya. Jikalau \$2.50 sa-hingga \$4.99 dia di-anggap orang miskin. Kalau \$2.50 ka-bawah dia di-anggap jadi orang fakir. Ini ada-lah sa-chara yang mengikut undang² Islam. Jadi saya shorkan supaya dasar ekonomi negara kita ini ditentukan sa-bagai dasar yang di-namakan democratic capitalism atau pun kekayaan ala-demokrasi. Jadi dengan chara ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sekarang ini menjalankan usaha dengan sa-kuat²-nya untuk hendak menaikkan kehidupan atau taraf hidup orang yang di-bawah supaya naik ka-atas. Ini sesuai sangat dengan apa yang saya sebutkan dasar kekayaan ala-demokrasi. Jadi ini-lah saya harap dapat timbangan supaya pehak Kerajaan akan menentukan dasar ini mudah²an dapat semangat kapada ra'ayat supaya mereka bekerja lebeh kuat lagi menyokong ranchangan Kerajaan dan berusaha dengan giat-nya supaya dapat taraf yang di-kehendaki menjadi kaya semua-nya dari ta'arif Undang² Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap mengenai Kementerian Buroh, ia-itu satu perkara yang sangat menyusahkan orang² yang mendaftar nama untuk menchari pekerjaan. Beratus² ribu yang mendaftarkan nama, tetapi malang-nya pengambilan orang² ini di-aku² chuma oleh pehak Kerajaan dan juga pehak badan² berkanun sahaja. Pehak swasta tidak menggunakan Pejabat Pendaftaran Buroh langsung. Oleh yang demikian kita dapati sa-orang yang mendaftarkan nama-nya untuk menchari kerja sa-hingga 6 tahun—6 tahun pun belum lagi di-panggil temuduga. Oleh yang demikian, saya berharap pehak Kerajaan khas-nya Kementerian Buroh akan mengeluarkan satu undang² yang memaksa majikan supaya mereka mengambil pekerja² melalui Pejabat Pendaftaran Buroh. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah peluang orang² yang telah pun mendaftarkan nama mereka itu, sa-kurang²-nya dapat temuduga oleh pehak

majikan sama ada Kerajaan, sama ada badan berkanun atau pun swasta, kerana kuasa pemutus untuk hendak mengambil pekerja itu ada-lah di-tangan majikan. Jikalau dia berkehendakkan 20 orang bagi jawatan kosong, dia boleh minta 50 orang untuk temuduga daripada Pejabat Pendaftaran Buroh. Jikalau dia kata 50 orang ini ta' layak, dia boleh tolak, minta lagi 50 orang. Itu hak majikan.

Jadi saya harap pehak Kementerian Buroh akan mengadakan satu undang² memaksa majikan supaya boleh orang² yang mendaftar itu dapat di-panggil temuduga.

Yang kedua, ia-lah mengenai kuat-kuasa dengan chatuan yang di-kenakan kapada kilang² perusahaan yang bertaraf perintis. Banyak daripada kilang² ini tidak menghormati undang² itu. Saya harap pehak Kementerian ini jalankan usaha dengan sa-penoh-nya lagi supaya dapat majikan² yang berkenaan patoh kapada undang² mengambil pekerja² mengikut sharat² yang di-tentukan kapada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, saya dapati ada satu gerakan belia yang di-namakan 4B, ada juga yang di-namakan MAYC, dan ada pula M.Y.C. Jadi kita ada terlampau banyak pertubohan belia, jadi saya pun ta' tahu yang mana satu yang hendak di-tumpukan tenaga sa-penoh-nya untuk hendak membangunkan semangat, untuk hendak memberi bantuan dan pertolongan. Saya berharap pehak Kerajaan akan pilih mana² satu. Saya fikir lebeh sesuai sa-kali ia-lah Belia 4B, di-beri segala sokongan, segala bantuan kapada Belia 4B ini supaya di-dorongkan mereka mengadakan pengetahuan, pengalaman dan juga latehan dari segi binaan ekonomi, tinggalkan dari segi sokan, dan dari segi lain² saperti kesenian dan kebudayaan. Tujuan sa-penoh-nya kapada ranchangan² ekonomi dan untuk hendak menjayakan ranchangan ini, saya harap Belia 4B ini akan meminda undang²-nya supaya membolehkan tiap² belia menjadi ahli terus kapada Belia 4B bukan dengan chara sekarang ini. Chara sekarang ini ia-lah chara gabungan daripada Persatuan² Belia yang berbagai² chorak dan warna yang ada dalam negara ini. Jikalau-lah chara ini di-buat, atas di-laksanakan juga, saya perchaya tidak akan mendapat kesan yang sa-penoh-nya untuk hendak menolong belia². Saya

harap dengan ada-nya 4B ini di-rombak sa-mula, jadikan ahli terus kapada pertubohan ini dan ikut sa-bagaimana ranchangan yang di-jalankan 4H di-Amerika, 4H di-Taiwan, saya perchaya nasib belia pada masa hadapan akan terjamin.

Tunku Abdullah ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman: Untuk penjelasan. Ada-kah tujuan Ahli Yang Berhormat itu supaya badan belia ini ia-itu Gerakan Belia 4B itu di-pengaruh atau di-kawal oleh Kerajaan?

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id: Itu yang saya maksudkan—sa-barang ranchangan kalau Kerajaan tidak ada masuk campur tangan tidak akan berjaya. Jadi saya berharap 4B ini akan menjadi sa-bagai anak angkat kapada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id: 10 minit lagi. Saya chuba akan menghabiskan-nya. Satu perkara yang sangat rumit sekarang, tetapi Kerajaan boleh mengatasi ia-lah mengenai kesusahan orang² kampung di-luar bandar khas-nya saya tujukan kapada balu² yang suami mereka ini meninggal dunia yang meninggalkan anak 6 orang atau 7 orang dan tidak mempunyai adek-beradek untuk hendak menolong mereka. Dengan ini kita dapati anak² mereka ini terbiar begitu sahaja tidak ada pertolongan dan bantuan. Saya harap pehak Kementerian Kebajikan Masharakat akan membuat satu siasatan supaya di-beri bantuan kapada balu² ini dan kapada anak² mereka itu supaya anak² mereka itu sa-sudah dapat kerja dia boleh membantu keluarga-nya di-berhentikan bantuan itu. Ini ada-lah sangat penting kerana banyak kita dapati orang² yang terbiar di-situ.

Yang kedua-nya mengenai orang yang tua² yang berumur 60 tahun ka-atas. Ada di-antara mereka ini yang dudok di-Rumah Orang Tua², ada di-antara mereka yang tidak ada warith yang tidak suka dudok di-Rumah Orang Tua², suka dudok di-kampung. Sa-bagai dasar permulaan ka-arrah negara kebajikan, saya harap Kementerian ini akan mengadakan peruntukan supaya beri bantuan bulanan kapada orang tua yang berumur 60 tahun ka-atas ini, kata-lah \$15 sa-bulan mithal-nya, chukup-lah saya ingat, boleh-lah jiran² mereka itu jaga orang ini,

tidak payah Kerajaan tolong jaga, buat permulaan kerana hendak menunjukkan bahawa kita berhaluan kapada negara kebajikan patut-lah kita jalankan.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri Pertanian mengenai ranchangan² untuk hendak meninggikan taraf hidup peladang² yang ada di-Malaysia ini. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum kehidupan mereka (peladang²) ini kalau kita bandingkan keselurohan-nya dengan lain² kumpulan, mereka-lah yang habis rendah pendapat-nya. Oleh yang demikian, Kerajaan patut menumpukan dengan sa-penoh²-nya bantuan dan pertolongan kapada gulungan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Peladang berchorak baharu mempunyai undang² yang chukup baik dan Kerajaan telah pun mengadakan beberapa ranchangan untuk memberi kemudahan kapada mereka supaya mereka dapat menjalankan usaha dengan diri mereka sendiri yang elok sa-kali beri kuasa kapada peladang² ini supaya mereka dapat menguasai atas harga penjualan hasil pertanian. Sa-lagi peladang² ini tidak dapat kuasa untuk menentukan harga atau hasil penjualan pertanian mereka itu maka sa-lama itu-lah mereka ini akan di-exploitkan oleh orang² tengah dan orang² yang menchari untong ka-atas titek-peloh mereka. Jadi saya berharap dengan ada-nya ranchangan pemasaran dalam undang² Persatuan Peladang ini pehak Kerajaan akan memberi sokongan dan bantuan supaya di-adakan tempat² pasaran² borong sa-bagaimana saya sebutkan dahulu dalam perengkat² daerah, Negeri dan Persekutuan. Jadi dengan ada-nya pasaran² borongan ini dapat-lah pengeluaran harian daripada peladang itu di-jual kapada orang yang hendak membeli-nya dan harga yang di-tentukan oleh peladang sendiri. Dengan chara yang sa-macham ini nasib mereka akan bertambah baik.

Mengenai Bank Pertanian

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah sa-tengah jam.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id: Akhir sa-kali Bank Pertanian

Tuan Yang di-Pertua: Sudah sa-tengah jam!

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id: Dua minit lagi. Bank Pertanian, Tuan Yang di-Pertua, patut di-jadikan Bank Persatuan Peladang, kerana bagi gerakan sharikat kerjasama mereka mempunyai bank sendiri, patut juga bank ini menyalorkan bantuan apa juga yang di-kehendaki oleh peladang supaya dapat menolong peladang menggunakan rancangan ini mengeluarkan hasil pertanian, memproses barang² pertanian dan juga pemasaran-nya. Terima kaseh.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian membincangkan masalah yang di-hadapan Dewan ini ia-itu Anggaran Belanjawan bagi tahun 1972. Sa-telah Belanjawan ini di-ishtiharkan di-dalam Dewan ini dan dengan ada-nya kenaikan chukai pada sa-tengah² barang bagaimana yang telah di-jelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan-nya, maka berbagai² sambutan telah timbul di-kalangan orang ramai, di-antara-nya ada yang menyokong dan tidak kurang pula yang menentang dan menchemohkan tindakan Kerajaan menaikkan chukai².

Tuan Yang di-Pertua, pada saya kenaikan chukai tidak menjadi masalah kerana chukai yang di-naikkan itu a-ta-lah di-maksudkan untuk membiayai projek² yang akan mendatangkan kebaikan dan kebajikan kepada orang ramai dan kepada negara seluroh-nya. Yang menjadi soal kepada saya bukan-lah kenaikan chukai itu, tetapi yang saya ingin persoalan ia-lah pelaksanaan rancangan² Kerajaan yang di-biayai daripada wang yang di-kutip dengan begitu rupa daripada tiap² sa-orang ra'ayat dalam negeri kita ini. Jadi harapan saya daripada Kerajaan supaya dapat memerhatikan segala projek² yang akan mendatangkan kebaikan, mendatangkan keuntungan, mendatangkan kelegaan hidup ra'ayat negeri ini mesti-lah di-sempurnakan dengan sa-chepat²-nya atau dengan sa-berapa chepat yang terdapat. Sebab ini-lah yang akan menjadi penawar kepada ra'ayat yang kita telah chubit hasil pendapatan-nya atau kita telah mengambil wang daripada saku-nya. Kalau wang² dan chukai² yang di-kutip daripada ra'ayat ini tidak di-gunakan dengan betul dan rancangan² yang mendatangkan kebaikan yang boleh menyebabkan kelegaan hidup ra'ayat tidak dapat di-jalankan dengan kemas dan tidak dapat di-jalankan dengan segera, maka ini-lah yang akan menyebabkan ra'ayat

jelata bersungut dan akan mendatangkan tegoran² yang pahit dan pedas ka-atas Kerajaan. Jadi ini-lah sahaja harapan saya daripada Kerajaan sa-panjang berkenaan dengan kenaikan chukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Perdana Menteri kita yang dalam sedikit masa kebelakangan ini telah berjaya mengadakan persetujuan dengan Negara² ASEAN bagi menjamin perkecualian rantau di-sabelah sini. Saya fikir ini satu kejayaan yang patut, Kerajaan dan khas-nya Perdana Menteri kita mendapat sa-tinggi² tahniah. Sungguh pun apa yang di-putuskan dalam rundingan² Negara² ASEAN dalam beberapa bulan yang lepas dan keputusan hendak menjamin perkecualian kawasan ini belum dapat di-lihat lagi hasil-nya, tetapi niat kita hendak mengujudkan stability atau keamanan di-rantau ini ada-lah perbuatan yang patut di-puji dan di-puja oleh tiap² orang daripada ra'ayat negeri ini. Saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Baharu² ini dunia kita telah menyaksikan satu peperangan yang amat menyedehkan. Satu kejadian yang mengiris jantung, satu malapetaka yang akan membawa akibat² pada masa yang akan datang. Kejadian itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak lain ia-lah peperangan yang di-panggil peperangan Pakinda atau peperangan antara Pakistan dan India. Saya tidak hendak menyentuh di-sini berkenaan dengan adil-nya atau tidak adil-nya peperangan itu tetapi satu perkara yang amat mendukachitkan ia-lah jika ada sa-buah Kerajaan membenarkan diri-nya menchampori hal negara lain, champor tangan sa-buah negara di-dalam hal ehwal negara lain ada-lah satu perkara yang wajib di-kutok dan wajib di-kecham tidak boleh di-biarkan berlalu dengan begitu sahaja dengan tidak mendapat tegoran daripada kawan² dan sahabat². Kerana kejadian ini jika tidak mendapat tegoran daripada rakan² dan kawan², maka boleh jadi ada yang berfikir bahawa perbuatan mereka itu mendapat sokongan dan simpati daripada semua negara. Walau apa juga hujjah dan alasan yang akan di-berikan oleh Kerajaan India berkenaan dengan peperangan Pakinda itu, maka tidak dapat di-nafikan bahawa India telah menchampori hal ehwal negara lain. Kalau kita boleh mengutok champor

tangan Amerika di-Vietnam, kalau kita kecham champor tangan Amerika di-Vietnam, maka saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh berbuat demikian terhadap Kerajaan India yang telah menchampori hal negara lain.

Di-sini saya hendak berbalek kapada soal Ranchangan Malaysia Kedua. Ranchangan Malaysia Kedua kita telah lancharkan sa-tahun lama-nya dan pada hari ini kita masuk kapada tahun yang kedua. Sunggoh pun belum ada report atau penyata² yang jelas berkenaan dengan kejayaan² yang kita telah chapai dalam melancharkan Ranchangan Malaysia Yang Kedua sa-lama sa-tahun itu, tetapi saya perchaya Ranchangan Malaysia Yang Kedua sedang di-jalankan dengan chukop giat dan chergas tetapi apa yang kita hendak melihat ia-lah supaya Kerajaan pada tiap² tahun apakala datang ka-Dewan ini membawa penyata berkenaan dengan kejayaan² Ranchangan Malaysia Yang Kedua atau achievement dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua yang telah di-buat pada tahun yang lalu. Dengan chara yang sa-umpama ini kita dapat mencheck dengan chara sa-umpama ini kita dapat mengetahui kejayaan² yang dapat di-chapai dari satu masa ka-satu masa. Itu-lah harapan saya daripada Kerajaan supaya pada Persidangan belanjawan tahun hadapan, kita dapat melihat sa-jauh mana-kah Ranchangan Malaysia itu telah dapat di-jalankan dan sa-jauh mana-kah ranchangan² itu telah dilaksanakan. Kejayaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini tidak shak lagi bergantung kapada kechekapan dan kejujoran pegawai² Kerajaan yang telah di-pertanggung-jawabkan dengan ranchangan² itu.

Kita telah mendengar Menteri² memberi ucapan di-merata cherok-rantau tanah ayer kita ini meminta supaya ra'ayat memberikan sambutan dan kerjasama yang penoh bagi menjalankan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa ra'ayat akan menyambut dan memberikan kerjasama yang sa-penohnya kapada Kerajaan untuk menjayakan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, tetapi yang sa-benar-nya kejayaan itu adalah bergantung sa-ratus-peratus atas usaha, atas kechergasan, dan atas kechekapan pegawai² Kerajaan dan bukan sahaja kechergasan dan kechekapan tetapi juga kejujoran pegawai² Kerajaan bagi menjalankan Ranchangan Malaysia Yang Kedua itu.

Kita telah mendengar banyak kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa ini-lah Ranchangan Malaysia Yang Kedua yang ada pada-nya yang dia boleh sembahkan kapada negara dan kapada ra'ayat negeri ini. Jadi begitu serious dan begitu bersunggoh Perdana Menteri kita memandang kapada Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Tetapi soal-nya pegawai² Kerajaan yang mentadbirkan ranchangan itu. Saya berharap daripada Kerajaan supaya dari satu masa ka-satu masa memeriksa jentera² Kerajaan dan mengambil tahu tiap² satu Pejabat Kerajaan sa-jauh mana-kah ranchangan itu telah di-jalankan dan kalau tidak dapat di-jalankan, kita ingin hendak tahu apa-kah sebab²-nya ranchangan itu tidak dapat di-jalankan.

Saya tahu bahawa Kerajaan telah menubuhkan sa-buah badan di-bawah Jabatan Perdana Menteri ia-itu satu Jawatan-kuasa atau satu Badan yang akan memerhatikan pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini. Jadi saya berharap daripada Badan ini sunggoh² buka telinga dan mata memerhatikan pelancharan dan pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini. Satu perkara yang saya sangat² bimbang berkenaan dengan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini ia-lah mengenai chadangan Kerajaan hendak mempersaibangkan kedudukan anak bumiputra dan orang Melayu di-dalam lapangan ekonomi dengan orang² yang bukan Melayu, sa-jauh mana-kah niat Kerajaan ini akan dapat terchapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa niat Kerajaan untuk hendak menolong orang Melayu dan bumiputra dalam negeri ini akan terchapai, sharat-nya semua Pejabat² Kerajaan, Badan² Kerajaan atau separoh Kerajaan itu memberikan perhatian yang berat terhadap perkara ini dan pegawai² di-situ hendak-lah jujur menjalankan tugas dan kewajiban-nya untuk menolong bumiputra.

Perkara yang penting bagi memberi pertolongan kapada bumiputra oleh Pejabat² Kerajaan dan oleh Badan² Berkanun, Badan² Separoh Kerajaan itu ada-lah bergantung kapada kejujoran pegawai²-nya dan yang akan membunuh atau akan mengendalakan ranchangan Kerajaan untuk menolong bumiputra bagi menchapai taraf kedudukan yang baik dalam lapangan ekonomi negara ini ia-lah kejujoran pegawai²

itu. Dan kalau kita hendak melihat kejayaan-nya hendaklah badan² seperti MARA, PERNAS, Perbadanan² Kemajuan Negeri (State Development Corporation) ini betul² memberi pertolongan kepada orang² kita—Melayu dan bumiputra di-tempat masing². Dan yang boleh membinasakan rancangan Kerajaan untuk menolong orang² Melayu ialah kalau ada di-dalam Pejabat² Kerajaan atau pun di-dalam badan² Kerajaan atau separoh Kerajaan ini ada corruption atau favouritism. Ini dua perkara yang akan membantutkan rancangan Kerajaan untuk memberi peluang kepada bumiputra, jika ada corruption dan favouritism dalam badan² itu, atau dalam lembaga² itu, maka tidak ada harapan bumiputra akan dapat hidup dan naik dalam negeri ini. Jadi ini-lah harapan kita, saya telah banyak mendengar rungutan dan sungutan daripada sa-tengah² orang kita yang bersungutan berkenaan dengan sikap sa-tengah badan² Kerajaan itu, umpama-nya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor banyak mendirikan rumah², bermillion² ringgit harga rumah yang di-dirikan oleh Perbadanan ini, tetapi banyak ada kontrekter² Melayu sama ada yang bersendirian 100% Melayu atau pun yang membuat usaha sama dengan lain² bangsa berharap² hendak mendapatkan habuan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ini. Jadi kita ingin hendak tahu berapa banyak-kah daripada wang yang berjuta² itu yang pergi kepada kontrekter² Melayu. Sa-kira-nya maseh banyak kontrekter² Melayu yang tidak dapat faedah daripada usaha Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor itu patut Kerajaan mengambil tindakan memeriksa dan menyiasat kenapa, umpama-nya, sa-buah sharikat atau sa-sa-orang itu mendapat keutamaan daripada badan itu. Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin dan memberikan keyakinan kepada orang² Melayu dan bumiputra yang ada pada hari ini yang sedang berharap bersungguh² bahawa Rancangan Malaysia Yang Kedua ini ada-lah menjadi satu rahmat kepada mereka, tetapi kalau di-dapati ada corruption dan favouritism, maka jangan ada kita berharap bantuan yang akan datang dan pertolongan yang akan datang kepada orang² Melayu dan bumiputra yang ada dalam negeri ini. Ini dua penyakit mesti-lah di-hapuskan, kalau ta' dapat 100% 90% pun jadi-lah, tetapi ini-lah dia penyakit masyarakat, penyakit negara, penyakit bangsa—bangsa yang hendak runto, negara

yang hendak binasa, ada-lah timbul dan terbit daripada ketidak-adilan dan ada-nya corruption dan favouritism berlaku di-kalangan Kerajaan itu, atau negara itu, atau bangsa itu.

Saya ta' tahu kalau ada corruption dan favouritism itu bila-kah atau ada-kah kita akan mencapai 30% daripada ekonomi negeri ini dalam masa 20 tahun akan dapat di-chapai oleh bumiputra dan orang² Melayu. Jadi saya berharap, sungguh² kepada Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, khas-nya pemimpin² dan Menteri² melihat perkara ini dengan mata yang terbuka, dengan telinga yang terbuka dan tidak teragak² untuk mengambil sa-barang tindakan atau sa-barang orang yang di-dapati churang di-dalam menjalankan tugas dan kewajipannya. Ini sahaja yang boleh menyelamatkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat telah berchakap banyak berkenaan dengan nasib kehidupan buroh² yang bekerja dalam estet. Jadi satu sahaja conclusion atau kesimpulan yang saya dapat tarek daripada ucapan-nya itu, ia-itu sa-olah² beliau menudoh Trade Union Buroh² Estet itu tidak sadikit pun mengambil berat atau pun menjalankan tugas dan kewajipan-nya terhadap buroh² di-estet itu.

Sa-bagaimana yang kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, Trade Union yang paling kuat dalam negeri ini dan yang paling ramai ahlinya ialah Trade Union Buroh² Estet, dan saya bukan hendak membela Trade Union Buroh² atau pekerja² estet ini, tetapi saya tahu bahawa Trade Union² Plantations ini telah banyak berjasa kepada buroh² estet. Jadi itu-lah saya hairan mengapa orang Trade Union ini, Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat ini mendatangkan tuduhan² sa-hinggakan memberikan bayangan sa-olah² keadaan buroh² dalam estet² itu terbiar dan ta' ada sa-orang pun yang memperdulikan—ta' usahkan Kerajaan memperdulikan, hatta Trade Union pun diam. Ini terpulang-lah kepada Anggota² Trade Union untuk menjawab dan membetulkan kekeliruan dan kesilapan yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adal-ah menyokong di-atas chukai² baharu yang

telah di-bentangkan baharu² ini. Saya menyokong oleh kerana jikalau tidak kita mengadakan apa² sacrifice tentu-lah negeri tidak boleh jadi maju, tetapi yang saya minta kepada Kerajaan ia-itu apabila mengadakan chukai bagi barang² dapur keperluan ra'ayat, keperluan orang miskin jangan-lah sa-kali di-naikkan. Oleh kerana apabila sahaja orang², penjual² atau pekedai² dapat tahu sales tax akan di-adakan, maka harga gula telah melambong bukan sahaja harga gula telah melambong ta' boleh dapat gula di-kedai², pagi² saya hendak minum kopi hendak beli gula pergi ka-kedai sudah habis gula. Jadi kalau-lah bagini gaya-nya apa guna-nya kilang² gula yang chukup banyak—refinery yang besar² di-Prai, di-Batu Tiga dan tidak lama lagi tiga empat kilang gula akan terdiri di-negeri kita ini. Stock gula sudah habis. Ini-lah nampak-nya capitalist² mendirikan kilang² gula hendak mematkan ra'ayat supaya ra'ayat tidak dapat minum kopi lagi.

Yang kedua, kita tahu ia-itu kita membuat Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini musuh kita yang pertama bukan kominis, musuh kita yang pertama ia-lah musuh besar kemiskinan dalam negeri ini. Dengan sebab itu, Kerajaan bertugas untuk mengikis kemiskinan dengan mengikis kemiskinan tadi maka pengaruh kominis akan hapus di-negeri kita ini. Tetapi kemiskinan ini chuma dapat di-hapuskan, saya fikir dengan ada-nya ranchangan² kita yang boleh membena kehidupan ra'ayat terutama sa-kali di-kampung². Kerana jikalau dengan pertolongan² saperti membuat jambatan² yang besar, buat ranchangan² yang besar di-dalam kota ra'ayat terutama sa-kali bumiputra baik orang Melayu atau pun bumiputra dari Sabah dan Sarawak hasil yang di-dapati oleh mereka itu lima tahun yang akan datang tidak ada apa², oleh sebab bumiputra tidak ada modal untuk membuat apa², melainkan yang di-harap²kan oleh bumiputra pada hari ini ada-lah badan² Kerajaan yang akan menolong kepada ra'ayat jelata terutama sa-kali bumiputra² kita.

Saya minta kepada Kerajaan bukan sahaja membuat jalan² daripada utara ka-selatan, timor ka-barat tetapi juga jikalau di-buat dari timor ka-barat atau barat ka-timor tanah² yang berhampiran ia-itu daripada Kota Bharu mithal-nya ka-Pulau Pinang, tanah² keliling itu mesti-lah di-buka dengan banyak-nya kepada bumiputra baik, atau

pun ra'ayat Malaysia ini supaya dapat di-buka lebeh banyak lagi kebun² yang boleh mendatangkan hasil dan mengikis kemiskinan di-dalam negeri ini.

Yang ketiga, ia-itu berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan. Kita berkehendakkan muhibbah dalam negeri kita. Bila kita berkehendakkan perpaduan dalam negeri ini, tetapi yang kita nampak apabila kita pertakakan Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa yang tunggal hendak-lah di-pelajari di-sekolah², kita maseh dengar tentangan² daripada warganegara kita sendiri yang kita tahu ia-itu Bahasa Kebangsaan ada-lah satu² perkara yang akan menyatu-padukan ra'ayat kita di-dalam negeri ini. Ta' usah kita pandang jauh², Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Dewan ini sudah 14 tahun negeri ini telah menchapai kemerdekaan, banyak lagi daripada orang² kita warganegara negeri ini yang meminta izin, minta izin tiap² kali minta izin untuk berchakap dalam Bahasa Inggeris, 14 tahun di-beri peluang. Bukan 14 tahun, Tuan Yang di-Pertua, daripada asal, daripada masa dia beranak sampai hari ini, sudah bertahun² lama-nya ta' kan ta' boleh berchakap dalam Bahasa Kebangsaan, bukan apa—tidak, Tuan yang di-Pertua, saya hendak menangis berchakap ia-itu oleh kerana nilai Bahasa Kebangsaan itu tidak ada. Jikalau nilai-nya tidak ada, tidak ada harga memang orang ta' hendak memakainya. Dengan sebab itu, saya minta kepada Kerajaan terutama sa-kali kepada Kementerian Pelajaran nilai Bahasa Kebangsaan itu mesti di-pertingkatkan lagi, ia-itu siapa² sahaja yang hendak bekerja di-dalam negeri ini, di-dalam negara kita baik Kerajaan atau luar Kerajaan, mesti-lah lulus—pandai, bijak dalam Bahasa Kebangsaan, baharu nilai Bahasa Kebangsaan itu akan di-pergunakan dan di-perluaskan di-dalam negeri kita ini dan baharu perpaduan bangsa, di-antara bangsa, di-antara kaum lebeh lagi kuat dan lebeh lagi baik daripada tahun² yang lalu.

Berkenaan dengan bumiputra pula, di-dalam dunia perniagaan dan perusahaan negeri kita ini Menteri² kita telah menggalakkan dan terus menggalakkan bumiputra, Perusahaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berkata berkali² menggalakkan dan terus menggalakkan bumiputra, orang Melayu dan bumiputra untuk masuk dalam dunia perdagangan dan perusahaan. Oleh kerana lepas merdeka sahaja orang Melayu dan bumiputra baharu sedar betul

perniagaan ini ada-lah penting kepada satu² bangsa. Zaman penjajahan dahulu kita fikir bekerja dengan Kerajaan jadi kerani sahaja bukan main besar lagi. Kalau sudah jadi inspektor itu-lah pangkat yang paling tinggi. Kalau jadi D.O. pangkat yang chukup besar. Tetapi lepas kita mencapai kemerdekaan, maka baharu kita tahu orang yang kaya raya ada-lah orang perniagaan. Dengan sebab itu, bangsa Melayu dan bumiputra masuk di-dalam dunia perniagaan dan perusahaan ini baharu dalam tempoh lima enam tahun yang lalu. Yang penting sa-kali bukan menggalakkan sahaja masuk dalam dunia perniagaan ini, tetapi kita minta kepada Kerajaan ia-itu bumiputra² ini mesti-lah di-beri protection di-dalam dunia perniagaan ini. Kalau tidak ada protection berapa banyak modal bumiputra masuk di-dalam satu² perniagaan, perniagaan itu akan karam dan bumiputra itu akan jatuh bengkrap. Saya katakan begitu sebab-nya ia-lah kilang² Inggeris, sharikat² Inggeris yang besar², sharikat Jepun yang besar², sharikat Perancis yang besar² di-negeri kita ini akan membunuh kita, sebab apa dia boleh berlawan dengan kita? Kita keluarkan barang harga-nya mithal-nya 50 sen satu, dia hendak membunuh kita, dia jual 40 sen, ini bukan saya mengatakan kepada orang Melayu sahaja, kepada bangsa kita orang² Malaysia. Kalau tidak di-beri protection kepada mereka, mereka ini tidak boleh hidup dalam negeri ini. Dengan sebab itu, saya minta-lah kepada Kerajaan protection hendak-lah di-beri oleh Kerajaan di-dalam dunia perniagaan dan perusahaan bagi bumiputra ini.

Berkenaan dengan bullet and bread ia-itu roti dan peluru. Dahulu kita mengatakan peluru ta' guna, roti yang mustahak sa-kali, tetapi hari ini saya berfikir ia-itu peluru dan roti itu sama² mustahak. Kerana jikalau kita mustahakkan sahaja roti, akhir-nya kenyang, peluru datang ka-perut kita. Dengan sebab itu, kita hendakkan peluru, kita hendakkan roti. Pertahanan-lah yang lebeh kuat lagi, Sebab apa musuh di-dalam selimut ada dalam negeri ini.

Pada hari ini juga di-sempadan kita baik di-Sabah mahu pun di-Sarawak kita ada-lah menentang pengganas² kominis. Dengan sebab itu tentera kita mesti kita perkuatkan. Jikalau tidak begitu besok, saperti mana saudara saya kata tadi Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara mengatakan—saya tidak

hendak champor berkenaan dengan peperangan India dan Pakistan, tetapi pada satu hari, satu masa yang akan datang nanti, sunggoh pun kita tidak hendak champor hal orang, tetapi orang akan champor hal kita. Jadi kita mesti bersiap sekarang dan peluru (bullet) mesti kita simpan dengan banyak-nya.

Berkenaan dengan squatters di-Kuala Lumpur ini bukan soal negeri Selangor sahaja. Squatters di-Kuala Lumpur ini adalah soal Kerajaan, bukan Kerajaan Negeri tetapi ada-lah juga Kerajaan Federal. Selama hari ini squatters di-Kuala Lumpur ia-itu orang² yang mendudoki tanah haram ini Kerajaan Selangor telah membuat flat² yang banyak, menyediakan tanah untuk squatters ini pindah, tetapi Municipal Kuala Lumpur ta' lama lagi menjadi Bandaraya Kuala Lumpur ada-lah dudok diam begitu sahaja. Ada-lah flat² yang ta' berapa banyak di-dirikan. Sa-patut-nya Bandaraya Kuala Lumpur ini-lah yang akan membeli tanah dan juga membuat flat² dengan lebeh banyak lagi kerana squatters di-Kuala Lumpur ini sahaja lebeh kurang 300,000 orang ramai-nya. Bukan-lah saya meminta, Tuan Yang di-Pertua, supaya di-adakan sa-orang Menteri Squatters, tidak. Tetapi ada-lah nasib squatters ini mesti-lah di-bela oleh kerana kalau ta' di-bela maka penyakit ini akan melarat dan lebeh banyak lagi squatters akan terdiri di-Kuala Lumpur ini.

Berkenaan dengan new village, selalu kita mengatakan new village. Ini ada-lah chakap penjajah, bahasa penjajah. New village bahasa China di-katakan "Sin Chun". Sin ma'ana-nya baharu, Chun itu village. Jadi apa yang di-katakan Sin Chun itu sudah 20 tahun lebeh, Sin Chun, Sin Chun—new village, new village. New village sudah tua. Sa-patut-nya di-panggil kampung sahaja—Kampung Sungai Chua, Kampung Sungai Ramal Dalam. Jikalau di-panggil new village ada satu perasaan. Apa perasaan-nya ia-itu yang dudok banyak di-new village ia-lah orang² China. Dengan sebab itu parti Pembangkang selalu mendatangkan jarum²-nya kepada perkara ini ia-itu di-new village tidak ada ayer, tidak ada api, tidak ada pasar, tidak ada sekolah, tidak ada badminton, tidak ada court, tidak ada itu dan ini. Sunggoh-nya segala²-nya Kerajaan telah beri kepada new village ini. Jadi dengan sebab itu saya harap Kerajaan mengkaji ia-itu new

village ini di-namakan kampung sahaja. Baik kampung Melayu, kampung China atau kampung India hendak-lah di-namakan kampung sahaja.

Berkenaan dengan pertahanan pula saya minta kepada Menteri Pertahanan ia-itu tender² yang di-keluarkan terutama sa-kali makanan²—supply. Saya dapat tahu sa-orang kontrekter sampai 20 tahun kontrekter itu juga yang supply barang. Kalau hendak tahu siapa dia tanya-lah pehak Kementerian. Tetapi 20 tahun kita tahu bekas² Pasokan Keselamatan sangat banyak, mereka itu menderita dan pada hari yang akan datang barangkali orang ini juga-lah yang banyak menubuhkan sharikat²-nya sendiri. Apa salah-nya sharikat² ini dengan di-tolong oleh PERNAS atau MARA supply barang² makanan kepada Kementerian Pertahanan, dan sa-bagai-nya. Kata hendak meninggalkan taraf bumiputra, tetapi 20 tahun lama-nya sa-orang manusia sahaja yang dapat. Ini saya minta kepada Kementerian untuk memikirkan diatas perkara ini.

Kemudian daripada itu ia-lah berkenaan dengan barang² dapur pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah kurang sangat. Saya fikirkan demand is greater than supply kerana barang itu kurang, orang berkehendakkan. Banyak orang datang, ra'ayat datang mengadu, apa sebab-nya di-dalam tempoh dua minggu ini bagini gaya-nya, barang² dapur sudah kurang. Garam sudah mahal, gula sudah mahal, itu sudah mahal; ini di-tuduh Kerajaan Perikatan itu dan ini. Jadi saya harap kepada Kementerian yang bertanggung-jawab kalau hari itu di-Vietnam siapa² yang hoarding, masa di-Komintang dahulu di-Shanghai, General Chiang Chung Kuo anak Chiang Kai Shek, siapa yang hoarding barang² itu di-bawa dan di-tembak, tetapi jangan-lah di-tembak siapa yang hoarding barang² itu. Buat-lah satu undang² kepada apa-kah yang akan kita buat terhadap orang ini. Itu sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh kerana memberi saya berchakap.

Tuan Valentine Cotter (Bau-Lundu): Dato' Yang di-Pertua, saya minta izin berchakap. Pada pendapat saya chukai ini patut-lah di-naikkan, tetapi ada dengan tingkat-nya. Macham di-Sarawak sebab tempat itu belum berapa maju dan ekonomi-nya. Umpama-nya sa-orang bapa mempunyai sa-orang anak. Si-bapa itu tentu perbelanjaan-nya lebih besar daripada anak-nya.

Yang kedua, harga gula itu patut-lah jangan di-naikkan chukai, sebab gula itu barang yang sangat penting kepada semua orang ramai, si-miskin atau kaya. Baharu² ini di-Sarawak saya mendapat tahu penjual² gula sedang menjual dengan harga 60 sen pada satu kati. Patut-kah tindakan di-ambil oleh Kerajaan yang berkuasa, atau pun lesen² pekedai itu di-rampas.

Yang ketiga, buroh² yang bekerja dengan orang² perkhidmatan awam memang berasa sangat² susah pada masa ini, oleh sebab harga² barang² di-naikkan lebih lagi dan oleh yang demikian buroh² patut-lah di-tambahkan gaji-nya. Sekian-lah, terima kaseh.

PENANGGOHAN

Usul

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya meshuarat ini di-tanggohkan sekarang.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

Jururawat² dan Sharat² Perkhidmatan

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): (*Dengan izin*) It has been 111 years since Florence Nightingale gave a life of luxury to which she was born, to be immersed in efforts which gave birth to modern nursing. Since then, Sir, in Europe and elsewhere as in Malaysia, the profession has made rapid forward strides.

However, in so far as the Malaysian nursing scene is concerned, Sir, it is marred by one serious flow. There is much discontentment throughout the nursing staff, which if not promptly rectified will inevitably be reflected generally in a decline in efficiency. I refer to the immediate need to review the grievances in connexion with conditions of service of the nurses.

There is no gainsaying that a definite minority has already succumbed to frustrations stemming from this unhealthy situation, as reflected in complaints from the public from time to time.

But what of the long-suffering majority who soldier on? They have pressed their claims in an orderly fashion. They have had to resort to peaceful picketing, an action much deplored by the Ministry of Health. I do not for one moment think that our nurses enjoyed the picketing. Nor do I think that they would have done it if it could have been avoided. Speaking for myself, it did them much credit, in all the circumstances, for their display of orderliness and forbearance.

Let me invite the Honourable Minister of Health and the Right Honourable Prime Minister to take a brief look at a few salient grievances which are fundamental.

When the Royal Commission on Salaries and Conditions of Services was set up, an embargo was imposed on all claims submitted by the Staff Side of the National Whitley Council after 31-12-62. A claim for revision of salaries for the nursing staff through the Malaysian Nurses Union was frozen. Then came the recommendations of the Royal Commission, which shattered the nurses' hopes, no less, with what appeared to be a most illogical happening. The Royal Commission simply added up the existing Basic Salary, COLA and Housing Allowance and called the total the new "clean wage". In short, Sir, no benefit accrued to the nurses thereby. But this is history now, and cannot be changed.

Running parallel to this fruitless exercise of the Royal Commission is the injustice of the Government's failure to implement where nurses are concerned, the accepted principle of equal pay for equal work. They possess the same entry qualifications as their men counterparts, the hospital assistants, they undergo the same period of comparable training, they pass the required examinations, and even undergo an additional year's academic training for midwifery. It has been cogently argued, Sir, that the nurses' scope of functions is perhaps in the nature of things more onerous than that of hospital assistants who have had more than one upward revision of their salary scale in the past 10 years. Yet, the nurses have stagnated for 20 years. This however is not yet unalterably final, as I believe that an enlightened Ministry of Health and the Right Honourable Prime

Minister's Department can review the facts and make suitable recommendations to His Majesty's Cabinet for implementation.

In whichever way one looks at it, Sir, the inescapable conclusion is that substantial injustice to our nurses has been done and is being perpetuated. This situation fairly cries out for redress.

One ancillary shortcoming deserves mention here. Hostels for nurses are a must. They perform an essential service. They must live close to their place of work. Where there still are no proper hostels, these must be provided for, especially in rural areas far away from accepted standards of modern living. There young nurses often live under appalling conditions, with no electricity or running water, and with no measures taken for their personal safety. Where there are already hostels, Sir, it is much in evidence that not enough is done to protect the nurses from theft, prowlers and other uncivil acts. There has even been one murder in institutional quarters. They must be made to feel secure, and be secure. Their vulnerability to hostile anti-social acts, Sir, by virtue of their sex merely emphasizes their urgent need for fair treatment in the context of their duties, which their sex has not only not handicapped them to perform with distinction, but has indeed proven to be more suitably efficient in, than men.

Have the Ministry of Health, the Right Honourable Prime Minister's Department and the Royal Commission been misinformed and erroneously advised as to the rationale behind our nurses' claim? Obviously, something is very wrong somewhere.

I urge the Honourable Minister of Health and the Right Honourable Prime Minister to look into this problem upon a basis of urgency. 20 years, Sir, by any standard is a very long time to have waited. If indeed the Ministry has erred in the past, it must be acknowledged. And so must it be acknowledged too if His Majesty's Cabinet have been misled, if only inadvertently, as to the truth of equal work performed by nurses to that of hospital assistants, for which equal

pay is sought. In fact, Sir, nurses, it has been said are able to stand in for hospital assistants, whilst the reverse is not always possible. This it is argued, goes somewhat beyond equal work, but only equal work is claimed for the purposes of equal pay. Let the Honourable Minister of Health and the Right Honourable Prime Minister take new stock of the situation, study the problem with new eyes, re-study the papers recently submitted by the Malaysian Nurses' Union to the Ministry of Health and to the Honourable Finance Minister with a fresh mind, strike up a fresh dialogue with the nurses, and perhaps give of a new response in the interests of our National Nursing Service. Thank you, Sir.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak memikirkan perlu bahawa syarat² Perkhidmatan Jururawat² itu di-perbaiki. Bagaimana pun perkara ini boleh di-kaji dari masa ka-samasa, terta'alok kepada keadaan dan kepentingan negara seluroh-nya. Syarat² Perkhidmatan Jururawat² yang berjalan kuat-kuasa-nya sekarang, saya perchaya, telah di-terima oleh sa-bahagian besar Jururawat² di-negara ini, dan mengikut pendapat Kerajaan syarat² itu ada-lah menasabah.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.38 petang.